Utusan Borneo: 21 November 2026

Penganggur curi wayar didenda RM3,000

MIRI: Seorang penganggur didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencuri potongan wayar dari kawasan bekas bengkel milik sebuah syarikat swasta.

Tertuduh, Nicholas Ngalih, 33, dari Desa Senadin di sini, terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada jam 4.24 petang, 15 November lalu, seorang pengawal keselamatan yang bertugas di tapak perobohan bekas bengkel itu terserempak tertuduh menunggang motosikal keluar dari kawasan berkenaan sambil membawa sebuah guni berisi wayar kabel elektrik yang telah dipotong.

Tertuduh mendakwa dia mendapat kebenaran daripada pihak syarikat untuk mengambil wayar-wayar tersebut.

Hasil siasatan lanjut polis mendapati tertuduh merupakan bekas pekerja syarikat yang mengendalikan kerja-kerja perobohan itu dan telah masuk ke kawasan bekas bengkel tersebut untuk mengutip dan mengambil wayar kabel tanpa kebenaran bekas majikannya.

Semasa tangkapan dibuat, polis telah merampas sebuah motosikal yang digunakan dalam kejadian itu, sebuah guni berisi potongan wayar kabel, satu sepana boleh laras, satu gunting, dua bateri mesin gerudi dan dua pemegang pemukar skru untuk dijadikan barang kes.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.